




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 450 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 41,899 kes. Tiga (3) kes kematian direkodkan pada hari ini masing-masing satu di daerah Papar, Kudat dan Tawau. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 306 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 37,964 orang. Sejumlah 2,833 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 753 orang di hospital dan 2,080 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 74 orang dan 22 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah dicatatkan.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 450 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 322 kes (71.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 80 kes (17.8%), saringan kluster-kluster sedia ada 14 kes (3.1%), dan 34 kes (7.6%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,039 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,792 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,829 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 41.47%.

#### **B. SUMBANGAN YAYASAN ALBUKHARY**

- 1 Yayasan Albukhary berbesar hati memberikan sumbangan sebanyak RM500,000 ke akaun Tabung Amanah Bencana Alam COVID-19 Negeri Sabah.
- 2 Kerajaan Negeri merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tersebut dan mengalu-alukan lebih banyak sumbangan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO), Badan Berkanun dan orang perseorangan untuk membantu mangsa-mangsa pandemik COVID-19 di negeri ini.

#### **C. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN**

- 1 Semua aktiviti di bawah sektor pengilangan dan pembuatan dan rangkaianya **DIBENARKAN** beroperasi mengikut senarai di bawah perkhidmatan perlu (*essential services*).
- 2 Kehadiran bekerja ialah tidak melebihi 30% bagi kumpulan pengurusan dan tidak melebihi 50% bagi kumpulan pekerja sokongan. Manakala, waktu operasi ialah dari 6.00 pagi hingga 8.00 malam.
- 3 *Standard Operating Procedure (SOP)* adalah seperti di lampiran.

#### **D. PERKESO TANGGUNG SEPARUH KOS SWAB TEST SETIAP PEKERJA YANG BERDAFTAR**

Kerajaan Negeri hari ini memutuskan agar Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menanggung separuh daripada kos saringan ujian swab COVID-19 kepada setiap pekerja yang telah berdaftar dengan pertubuhan tersebut.

## **E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **316,004** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## **F. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## **G. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93.75%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Papar	94%
2	Kota Belud	94%
3	Kinabatangan	94%
4	Kudat	94%
5	Beaufort	94%
6	Kunak	94%
7	Semporna	94%
8	Kota Marudu	94%
9	Beluran	94%
10	Ranau	94%
11	Tuaran	94%
12	Keningau	94%
13	Tenom	94%
14	Sipitang	94%
15	Kota Kinabalu	93%
16	Penampang	93%
17	Sandakan	93%
18	Lahad Datu	93%
19	Tawau	93%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

#### **H. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 12 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 6,993 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, empat (4) buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 18 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 93.75%.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 34 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan empat (4) pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis di lima (5) daerah iaitu Lahad Datu, Kota Belud, Kota Kinabalu, Beluran dan Semporna.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 133 lokasi di 22 daerah. Hebahan dibuat dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun dan Bahasa Bajau.

**Manfaatkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa ini untuk melindungi diri serta ahli keluarga masing-masing daripada jangkitan wabak COVID-19. Duduklah di rumah jika tiada sebarang urusan penting. Bagi golongan yang terpaksa keluar bekerja, bersama-sama kita patuhi SOP untuk menentang COVID-19.**

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

13 Januari 2021